



Malaya Gemilang

KEGIATAN DBP DI SANA SINI

Berkongsi Ilmu dengan Dr. Margaret Read MacDonald

Oleh Shahrin Nizal Mohd Nor

Minat membaca dan mencintai sastera dalam kalangan kanak-kanak perlu dipupuk sejak mereka kecil lagi. Salah satu kaedah yang lazim digunakan untuk merangsang memupuk minat kanak-kanak melalui pembacaan karya-karya sastera ialah dengan kaedah bercerita. Kaedah bercerita ini sememangnya dipraktikkan dalam pendidikan awal kanak-kanak, dengan mengambil contoh kaedah pembelajaran yang dilakukan di pusat didikan kanak-kanak, khususnya peringkat prasekolah. Selain itu, kaedah bercerita juga banyak dipraktikkan oleh pihak perpustakaan di negara ini untuk menggalakkan kanak-kanak membaca.

Untuk mempertingkatkan kualiti dan mempelbagaikan teknik pengajaran serta menggalakkan literasi pembacaan melalui kaedah bercerita, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada 9 dan 10 April 2007 yang lalu telah mengadakan Bengkel Teknik Bercerita yang dibimbing oleh Dr. Margaret Read MacDonald. Bengkel berbayar ini dihadiri kira-kira 50 orang peserta seperti penggiat sastera kanak-kanak, guru tadika dan pustakawan. Walaupun usaha mengadakan program ini dilakukan dalam masa yang singkat, namun kehadiran peserta yang mengikuti kursus ini menggalakkan kerana mereka terlibat secara langsung dengan



DR. MARGARET membimbing peserta dengan penuh bertenaga.


literasi pembacaan dalam kalangan kanak-kanak. Peserta bengkel ini pula bukan sahaja terdiri daripada kalangan mereka yang mempraktikkan kaedah bercerita dalam bahasa Melayu tetapi juga daripada kalangan mereka yang bercerita dalam bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin.

Dr. Margaret Read McDonald merupakan bekas pustakawan, penulis dan pencerita terkenal dari Amerika Syarikat. Pemegang Ijazah Dr. Falsafah dalam bidang kebudayaan rakyat daripada Indiana University ini banyak menghasilkan buku-buku bergambar serta memperoleh pelbagai

anugerah dan pengiktirafan untuk buku-buku yang dihasilkannya seperti *Leadership Award National Storytelling Network*, *Outstanding Author and Storyteller Award 2001-2002*. Melalui bengkel ini, beliau berkongsi pengalaman dan pengetahuan tentang pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah bercerita untuk diaplikasikan oleh para peserta. Teknik bimbingan beliau yang bersahaja dan lebih menekankan amali dan simulasi ternyata dapat dihayati oleh peserta. Diharapkan bengkel ini akan dapat membantu mereka memperbaiki kualiti teknik bercerita kepada kanak-kanak di Malaysia.

PERADUAN

TEKA SILANG KATA SIRI 3



Melintang

1. Penulis buku Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media.
4. Novel terbaharu karya Muhd. Mansur Abdullah, Amigo...
6. Jahitan pada bahagian luka atau insisi selepas pembedahan.
7. Nama kumpulan puisi...
10. Mahu, suka.
11. Juara Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu 2007.
13. Bangsal yang disediakan untuk tetamu pada hari kenduri kahwin.
15. Tidak berdaya lagi, letih, mengah, penat.
17. Akronim Pelan Induk Pembangunan Pendidikan.
18. Sejenis udang laut yang besar dan berkulit keras.
19. Tandatangan.

Menegak

2. Asal perkataan metaphora dalam bahasa Yunani.
3. Kosakata bahasa suku kaum Bajau Sama yang bermaksud ibu kunci.
5. Lipatan pada pakaian yang telah digosok.
6. ... Angin, sebuah novel karya Sasterawan Negara Arena Wati.
8. Cabang perubatan yang berkaitan dengan hidung dan sinus.
9. Buah fikiran, gagasan.
12. Tidak jelas atau belum jelas.
13. Serbuk pada benda-benda yang lapuk.
14. Selamat datang, ... wasahlan.
16. Tingkah laku yang elok (bahasa klasik).

Syarat Penyertaan:

Penyertaan terbuka kepada semua pembaca Klik DBP. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **2 Mei 2007**. Keputusan pengadil adalah mutlak. Hantarkan jawapan anda beserta nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat anda kepada:

Peraduan Teka Silang Kata Siri 3, Timbalan Ketua Editor **Klik DBP**, Bahagian Pengembangan Bahasa Melayu, Tingkat 25, Menara DBP, Jalan Dewan Bahasa, 50460 Kuala Lumpur. Tel.: 03-2148 2898 Faks: 03-2142 2029

Disediakan oleh Wahi Irwan Abd Kahar.

PEMAKLUMAN

Pertandingan Forum Pelajar 2007

Tarikh/Masa	Peringkat	Tempat Pertandingan
14 April 2007	Zon C	SM Pin Hwa, Klang
25 April 2007	Zon D	SM Pei Chun, Pontian
4 Mei 2007	zon A	SM. Jit Sin, Bukit Mertajam
9 Jun 2007	zon F	Sibu, Sarawak
13 Jun 2007	Zon B	SM Yik Ching, Perak
20 Jun 2007	Zon E	DBP cawangan Sabah.
17 Julai 2007	Peringkat Kebangsaan	Kucing, Sarawak

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.dbp.gov.my atau hubungi Siti Ruzaiha Mohd Arifin di talian 03-21482894 atau emel: ruzaiha@dbp.gov.my

PEMENANG PERADUAN TEKA SILANG KATA SIRI 2

1. Puan Nur Amalina Safawati Selamat, Kuarters KLIA, Nilai, Negeri Sembilan. No. K.P.: 14-5146
2. Puan Nur Liyana Mohd. Tarmidi, Taman Bunga, Pekan Nanas, Johor. No. K.P.: 881024-01-5972
3. Encik Mohamad Ismail, SK Dahan, Pasir Putih, Kelantan. No. K.P.: 690716-03-5569
4. Puan Sarimah Surip, Saujana Impian, Kajang, Selangor. No. K.P.: 650202-01-5820
5. Puan Zuraini Kamarudin, Taman Sri Putri, Skudai, Johor. No. K.P.: 581112-02-5666
6. Puan Zuraida Mohamad Zaki, Desa Mentari, Petaling Jaya, Selangor. No. K.P.: 690716-10-5264
7. Puan Zuraina Ahmad, Taman Tengku Maheran, Jitra, Kedah. No. K.P.: 560925-02-5038
8. Puan Ani Madian, Taman Semenyih Indah, Semenyih, Selangor. No. K.P.: 710517-01-5114
9. Puan Noradiah Rashid, Taman Dimensi, Alor Gajah, Melaka. No. K.P.: 831008-14-6176
10. Encik Dzulkifli Kasim, Bukit Rambai, Melaka. No. K.P.: 820311-04-5155

Jawapan Teka Silang Kata Siri 2

